



Analisis Amalan Agihan Zakat ke Palestin oleh Lembaga Zakat Selangor Berdasarkan Konsep Pindahan Zakat

**Ijtihad
& Fatwa**

26

Analysis of the Practice of Zakat Distribution to Palestine by Lembaga Zakat Selangor Based on the Concept of Zakat Transfer

ABDUL HAKIM BAHARUDIN @ ISMAIL

(Corresponding Author)

MOHD RASYIDI ALI

MOHD MUSA SARIP

Fakulti Syariah&Undang-Undang

Universiti Islam Selangor

43000 Kajang, Selangor, Malaysia

abdulhakim@uis.edu.my

mohdrasyidi@uis.edu.my

mmusa@uis.edu.my

Submitted date: 13 October 2025

Revised date: 21 April 2026

Acceptance date: 29 April 2026

Available online: 30 April 2026

ABSTRAK

Krisis kemanusiaan yang melanda umat Islam di Palestin memerlukan perhatian daripada semua pihak. Dana zakat menjadi salah satu pilihan bagi membantu umat Islam di sana. Terdapat beberapa organisasi daripada pelbagai negara telah menyalurkan kutipan zakat kepada rakyat Palestin. Dalam konteks negeri Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) adalah pihak yang bertanggungjawab dalam urusan zakat. Kutipan yang meningkat saban tahun, wajar dimanfaatkan sebahagiannya untuk kepentingan umat Islam di Palestin. Namun, terdapat kekangan bagi agihan zakat ke luar kawasan dari sudut hukum, fatwa dan undang-undang syariah di negeri Selangor. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan pendekatan yang boleh diambil oleh LZS dalam menyalurkan zakat kepada mangsa perang di Palestin. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Selain dokumen bercetak dan dalam talian, data juga diperolehi melalui temu bual. Kajian ini mendapati bahawa pindahan zakat ke luar kawasan boleh dilaksanakan dengan pertimbangan masalah tertentu dan keutamaan mestilah diberikan kepada penerima zakat tempatan. Pengalaman LZS dalam menyalurkan bantuan zakat ke beberapa buah negara juga boleh dimanfaatkan dan dijadikan panduan.

Kata Kunci: Pindahan Zakat, Agihan Zakat, Palestin, Lembaga Zakat Selangor





ABSTRACT

The humanitarian crisis affecting Muslims in Palestine requires attention from all parties. Zakah funds have become one of the options to assist Muslims there. Several organizations from various countries have distributed zakah collections to the people of Palestine. In the context of the state of Selangor, Lembaga Zakat Selangor (LZS) is the authority responsible for zakah affairs. The increasing collections each year should be partially utilized for the benefit of Muslims in Palestine. However, there are constraints in distributing zakah outside the local area from the perspectives of *hukm*, fatwas, and sharia law in Selangor. This study aims to discuss the approaches that can be taken by LZS in distributing zakah to war victims in Palestine. This study adopts a qualitative method with a case study design. In addition to printed and online documents, data were also obtained through interview. The findings indicate that the transfer of zakah outside the local area can be implemented with consideration of certain *masalah* (public interests), while priority must be given to local zakah recipients. The experience of LZS in distributing zakat assistance to several countries can also be utilized and serve as a guideline.

Keywords: Zakah Transfer, Zakah Distribution, Palestine, Lembaga Zakat Selangor

PENDAHULUAN

Bumi Palestin tidak pernah aman sejak penubuhan negara Israel pada 1948. Umat Islam terus diancam dan ditindas dengan pelbagai tindakan oleh pihak berkuasa Israel yang tidak berperikemanusiaan. Penderitaan yang ditanggung mereka semakin parah apabila berlakunya peperangan Taufan al-Aqsa pada Oktober 2023 yang menyebabkan jutaan penduduk Gaza terjejas teruk. Peperangan ini telah mengakibatkan kematian, kecederaan, kecacatan, trauma, kehilangan tempat tinggal dan sumber pendapatan. Gaza sudah menjadi zon perang yang tidak selamat lagi untuk diduduki. Dengan situasi yang berlaku, umat Islam di Palestin tidak akan mampu untuk bangkit dan meneruskan kehidupan mereka dengan lebih baik tanpa bantuan dan sokongan daripada seluruh masyarakat dunia.

Atas tanggungjawab kemanusiaan, beberapa pihak telah berusaha membantu dan membela nasib rakyat Palestin di dalam negara atau pelarian di negara-negara berhampiran secara berterusan. Bantuan yang disampaikan adalah dalam bentuk barangan keperluan harian, kesihatan, sokongan psikologi dan pendidikan yang merupakan hasil daripada kutipan dana zakat dan derma daripada masyarakat antarabangsa mahupun setempat. Badan tersebut adalah United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East (UNRWA) (2026), Islamic Relief (2026) dan Badan Amil Zakat Nasional Indonesia (BAZNAS) (2026). Walaupun usaha yang dilakukan telah memberikan manfaat kepada rakyat Palestin, namun konflik kemanusiaan yang dihadapi oleh mereka masih jauh dan sukar untuk sampai ke garis penamat.

Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang aman dan mempunyai ekonomi yang stabil tidak seharusnya ketinggalan dalam membantu rakyat Palestin. Selain daripada



sumbangan derma rakyat Malaysia yang telah disampaikan melalui ngo dan badan-badan lain, pihak berkuasa agama negeri melalui institusi zakat masing-masing boleh turut berperanan dalam menyalurkan bantuan. Dengan jumlah kutipan zakat di setiap negeri yang mencecah ratusan juta ringgit bahkan ada yang melebihi RM1 bilion (JAWHAR, 2026), agihan kepada mangsa perang di Palestin boleh diperuntukkan jika keperluan asas penerima zakat setempat telah dipenuhi.

Dalam konteks Malaysia, LZS telah menjadi contoh sebagai sebuah institusi zakat negeri yang kompeten dengan pelbagai inisiatif yang diperkenalkan bagi membantu asnaf di negeri Selangor. Ia telah melalui beberapa fasa perubahan dan penambahbaikan sehingga berjaya menguruskan kutipan dan agihan zakat dengan nilai yang tinggi. Pada tahun 2024, hasil kutipan zakat di negeri Selangor adalah sebanyak RM 1.22 bilion dan nilai agihan hampir seratus peratus (LZS, 2025). Kutipan dan agihan zakat yang meningkat saban tahun ini, akan memberikan impak positif kepada penerima dan pengurusan zakat di negeri Selangor.

Selaras dengan perkembangan positif ini, LZS seharusnya mempunyai pandangan yang lebih jauh untuk turut membantu dan meringankan beban umat Islam di luar negara khususnya di Palestin. Walau bagaimanapun, terdapat kekangan untuk merealisasikan usaha ini dari sudut hukum pindahan zakat, fatwa, enakmen jenayah syariah negeri dan amalan sedia ada. Seluruh ekosistem pengurusan zakat di Selangor adalah selari dengan prinsip asas dalam agihan zakat iaitu mengutamakan penerima zakat tempatan. Amalan dan pengurusan zakat di Selangor tertakluk kepada fatwa larangan agihan zakat secara persendirian dan larangan agihan zakat ke luar negeri serta enakmen jenayah syariah yang melarang pungutan zakat dan fitrah tanpa kebenaran dan tauliah. Oleh itu, pindahan zakat ke luar kawasan tidak dilaksanakan secara rasmi dan konsisten.

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan pelaksanaan agihan zakat kepada mangsa perang Palestin oleh LZS. Maka kajian ini akan membincangkan konsep pindahan zakat menurut mazhab-mazhab yang utama sebagai panduan pelaksanaan agihan zakat ke Palestin mengikut syarak. Selain itu, fatwa dan enakmen berkaitan agihan zakat yang menjadi rujukan pentadbiran dan pengurusan zakat di Selangor turut diteliti. Sejarah penubuhan dan pengalaman LZS khususnya dalam melaksanakan agihan zakat ke luar negara turut dibincangkan bagi memahami latar belakang institusi zakat ini. Seterusnya, dicadangkan pendekatan yang menepati prinsip agihan dan pindahan zakat khususnya menurut mazhab Syafii, fatwa serta enakmen jenayah syariah negeri Selangor dalam penyaluran bantuan zakat kepada rakyat Palestin yang terjejas akibat perang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data bagi kajian ini diperolehi daripada sumber-sumber primer dan sekunder. Sumber primer diperolehi melalui temu bual separa berstruktur terhadap pegawai di LZS untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas tentang aktiviti agihan zakat di negeri Selangor. Pemilihan

responden adalah berdasarkan pengalaman beliau dalam perkhidmatan di LZS dan penglibatan dalam aktiviti agihan zakat ke luar negara.

Manakala sumber sekunder pula diperolehi secara bercetak dan dalam talian seperti buku-buku *fiqh*, artikel jurnal, prosiding, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 dan laman sesawang rasmi institusi berkaitan. Selain itu, kaedah analisis kandungan digunakan dalam kajian ini bagi meneliti data yang diperolehi. Melalui kaedah ini, penyelidik dapat mengenal pasti tema-tema utama, pola tertentu, serta mesej tersurat dan tersirat yang terkandung dalam teks dan hasil temu bual.

KONSEP PINDAHAN ZAKAT MENURUT PARA ULAMA

Pindahan zakat dijelaskan sebagai mengagihkan zakat ke luar kawasan ia wajib dibayar sama ada agihan itu kepada penduduk kawasan itu atau bukan dan sama ada zakat itu di hantar ke luar kawasan atau penerimanya datang daripada luar kawasan selepas waktu wajib bayaran zakat (Qalyubi & Umayrah, 1995). Pengertian ini telah memberikan pemahaman yang luas terhadap pindahan zakat. Namun, bagi agihan zakat kepada penerima yang datang dari luar kawasan, pandangan yang lebih kuat adalah menurut sebahagian mazhab Maliki dan Syafii yang memilih agihan zakat tersebut tidak dianggap sebagai pindahan zakat berdasarkan hadis Qabisah bin al-Mukhariq al-Hilali (Ab Rahman, 2014).

عن قبيصة بن المخارق الهلالي قال حملت حمالة فأتيت النبي صلى الله عليه وسلم أسأله
فيها فقال أقم حتى تأتينا الصدقة...

Aku telah menanggung bebanan yang banyak lantas aku pergi mengadu kepada Rasulullah SAW. Maka Baginda bersabda mafhumnya: 'Tetaplah kamu di sini sehingga datang kepada kami sedekah dan kami akan perintahkan supaya diberi kepadamu...'

(Sahih Muslim, Kitab al-Zakah, Bab Man Tahil Lah al-Masalah, 1044)

Baginda SAW telah memberikan zakat ahli Hijaz kepada Qabisah yang merupakan penduduk Najd apabila dia meminta untuk diberikan zakat bagi melunaskan hutang yang ditanggungnya. Oleh itu, konsep pindahan zakat lebih khusus kepada perbuatan membawa keluar hasil kutipan zakat dari sesebuah kawasan ke kawasan yang lain.

Diantara dalil yang menjadi asas kepada perbincangan hukum agihan zakat ke luar kawasan ia dikutip adalah hadis Muaz bin Jabal apabila beliau diutuskan ke Yaman (Al-Khin, Mustafa et al., 1992). Sabda Nabi SAW:

فَاعْلَمُوهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ فُتْرَدُ فِي فُقَرَائِهِمْ، فَإِنْ هُمْ أَطَاعُوا
لِذَلِكَ، فَإِيَّاكُمْ وَكَرَائِمَ أَمْوَالِهِمْ...

Maka beritahulah mereka bahawa Allah telah mewajibkan ke atas mereka satu sedekah (zakat), yang diambil daripada orang-orang kaya



dalam kalangan mereka dan diberikan kepada orang-orang miskin dalam kalangan mereka. Jika mereka mentaatinya, maka berhati-hatilah kamu daripada mengambil harta yang terbaik milik mereka....

(Sahih al-Bukhari, Kitab al-Zakah, Bab Akhaza al-Sadaqah Min al-Agnya' Wa Turaddu Fi al-Fuqara' Haithu Kanu, 1425)

Para ulama telah membincangkan hukum pindahan zakat yang boleh diperincikan kepada dua keadaan. Keadaan yang pertama adalah apabila tiada penerima zakat yang layak dan yang kedua apabila masih terdapat penerima zakat yang layak dalam kawasan ia dikutip. Bagi situasi yang pertama, sepakat para ulama bahawa zakat perlu diagihkan kepada penerima tempat lain apabila sudah tiada penerima yang layak di tempat ia dikutip (Ab Rahman, 2014). Lebih-lebih lagi sekiranya terdapat keperluan yang lebih mendesak di tempat lain sebagaimana perbuatan Muaz bin Jabal yang memindahkan zakat Yaman ke Madinah ketika dilanda kemarau. Beliau telah mengirimkan zakat Yaman ke Madinah selepas mendapati tiada lagi penduduk Yaman yang memerlukan (Al-Albani, 1399H).

Manakala bagi situasi kedua, para ulama daripada pelbagai mazhab berbeza pandangan sebagaimana berikut:

Jadual 1: Hukum Pindahan Zakat ke Luar Kawasan
Ketika Masih Terdapat Penerima Zakat Yang Memerlukan

Mazhab/ Fuqaha	Hukum
Hanafi	Makruh (kecuali agihan kepada ahli keluarga atau penerima yang lebih memerlukan) (Ibnu 'Abidin, 1966)
Maliki	Haram (kecuali agihan kepada penerima yang lebih memerlukan) (Al-Dusuqi, 2006)
Syafii	Haram dan zakat yang dikeluarkan tidak sah (Al-Khin, Mustafa et al., 1992)
Hanbali	Haram, namun zakat yang dikeluarkan adalah sah (Ibnu Qudamah, 2020)
Ibnu Taymiah	Harus dengan adanya maslahat (Al-Ba'li, 1436H)
Ibnu Solah al-Syafii & Abu Ya'la al-Farra' al-Hanbali	Harus secara mutlak (Al-Ramli, 2021)

Bagi mazhab Syafii, pindahan zakat ke tempat lain ketika masih terdapat penerima zakat tempatan yang memerlukan adalah dilarang. Perbuatan ini bukan sahaja haram bahkan zakat yang diagihkan juga tidak sah menurut pandangan yang *azhar* (Al-Qalyubi wa Umairah, 1995). Perbuatan ini juga boleh menyakiti penerima yang layak di kawasan zakat itu dan membuatkan mereka berasa terasing (Al-Khin, Mustafa et al., 1992). Manakala pandangan kedua dalam mazhab Syafii mengharuskan pindahan zakat dan agihan zakat tersebut sah berdasarkan maksud ayat 60 surah al-Taubah yang difahami secara *itlaq*. Pandangan ini dipilih oleh Ibnu al-Solah, Ibnu al-Firkah dan ramai ulama yang lain terutama ketika terdapatnya maslahat (Al-Qalyubi wa Umairah, 1995).



Secara ringkas, hukum pindahan zakat ketika masih terdapat penerima yang memerlukan adalah sama ada haram, harus dan makruh. Sebahagian ulama yang menghukumkannya haram dan makruh telah menetapkan pengecualian yang membenarkan pindahan zakat dalam situasi tertentu. Perbezaan pandangan antara ulama mazhab dalam isu ini didorong oleh beberapa faktor. Pertama, tiada dalil khusus yang menjadi sandaran hukum kepada isu ini melainkan dalil-dalil umum yang menjadi prinsip kepada agihan zakat dan pelaksanaan infaq serta sedekah. Faktor yang kedua pula adalah penilaian ulama terhadap keutamaan penerima zakat dan masalah mereka.

Oleh itu, terdapat mazhab yang mengharamkannya kerana kekal berpegang dengan prinsip asas dan dalil umum yang menjadi sandaran dalam hukum agihan zakat. Namun dalam masa yang sama terhadap mazhab yang memberikan pengecualian atau mengharuskannya apabila terdapat keperluan bagi penerima zakat di luar kawasan yang lebih mendesak berbanding penerima zakat tempatan. Pandangan ini tidak membezakan antara penerima zakat tempatan atau luar kawasan tetapi penilaian adalah berdasarkan keperluan dan kesukaran yang ditanggung oleh penerima zakat yang layak. Mazhab Hanafi turut memberikan pengecualian kepada ahli keluarga pembayar zakat kerana keutamaan untuk menginfakkan harta adalah kepada kaum keluarga seperti dalam firman Allah Taala yang bermaksud:

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang apa yang mereka nafkahkan. Katakanlah: "Apa sahaja harta yang kamu nafkahkan hendaklah diberikan kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang yang dalam perjalanan (musafir)." Dan apa sahaja kebaikan yang kamu lakukan, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan dia.

(Al-Baqarah, 1: 215)

FATWA DAN ENAKMEN BERKAITAN PINDAHAN ZAKAT DI SELANGOR

Setiap pemerintah agama negeri di Malaysia mempunyai kuasa terhadap urus tadbir zakat di negeri masing-masing. Dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Jadual ke-9 Perlembagaan Senarai II, mereka boleh mencorakkan pengurusan zakat mengikut sempadan dan jajahan negeri (Ab Rahman et al., 2018) melalui penggubalan enakmen dan pewartaan fatwa. Bagi negeri Selangor, terdapat dua asas utama dalam pengurusan zakat yang berkaitan pindahan zakat iaitu hak kutipan dan agihan zakat serta sempadan agihan zakat.

Menurut fatwa yang telah diputuskan oleh Jabatan Mufti Selangor, zakat tidak boleh diagihkan secara persendirian walaupun ianya sah di sisi syarak. Perbuatan tersebut dianggap haram kerana melanggar arahan pihak berkuasa iaitu Sultan (Mohamad Nasir, 2025). Bahkan urusan kutipan dan agihan zakat mestilah dilaksanakan oleh pemerintah untuk memastikan ia dilaksanakan secara telus, bersistematik. Pandangan ini juga berdasarkan firman Allah Taala yang bermaksud:

Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan



mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

(Al-Taubah, 9: 103)

Sekalipun zahir ayat ini ditujukan khas kepada Nabi SAW, namun maksudnya adalah umum meliputi semua para pemimpin umat Islam selepas Nabi SAW. Justeru itu, Abu Bakar al-Siddiq dan para sahabat telah memerangi golongan yang enggan membayar zakat sehinggalah mereka menunaikannya kepada pemerintah (Al-Zuhayli, 1991).

Manakala, mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan tersebut, mereka boleh didakwa di bawah Seksyen 37 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor.

Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Oleh itu, pembayar zakat di Selangor bertanggungjawab membayar zakat kepada *uli al-amri* iaitu LZS atau wakil yang sah sahaja. Pihak yang tidak mempunyai autoriti pula dilarang membuat pungutan zakat di negeri ini dan boleh dikenakan denda atas kesalahan tersebut. Ketetapan ini adalah penting supaya dana zakat boleh diuruskan secara bersepadu dan sistematik. LZS juga boleh mengambil tindakan yang lebih efisien dalam memenuhi keperluan penerima zakat dan agihan boleh dilaksanakan secara adil.

Disamping itu, terdapat larangan daripada mengagihkan dan menyalurkan bantuan zakat ke luar negeri Selangor tanpa izin *uli al-amri*. Tindakan membayar atau mengagihkan zakat ke luar negeri telah difatwakan tidak sah dan ia bersalahan dengan peruntukan undang-undang. Larangan ini telah diputuskan dalam Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Bil 5/2016 yang terpakai ke atas mana-mana badan bukan kerajaan, NGO, individu atau mana-mana pihak selain daripada Majlis Agama Islam Selangor dan LZS (LZS, 2025).

Kedua-dua larangan ini adalah satu bentuk kawalan dalam pengurusan dana zakat supaya matlamat pensyariatannya tercapai. Penyelarasan gerak kerja dalam kutipan dan agihan zakat oleh satu badan tunggal memudahkan pelaksanaan tanggungjawab ini dan pengurusan dana zakat akan berlaku secara lebih telus. Ia juga dapat mengawal berlakunya penipuan dalam agihan dana zakat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Malah, larangan mengagihkan zakat ke luar negeri dapat menjaga kepentingan penerima zakat yang layak di Selangor. Justeru itu, umat Islam di negeri ini seharusnya memberikan kepercayaan sepenuhnya terhadap institusi zakat yang telah diberikan amanah untuk mentadbir dana zakat sebaik mungkin.



Walau bagaimanapun, sebagai pihak berkuasa dalam urusan zakat di Selangor, MAIS dan LZS mempunyai kuasa untuk melakukan sebarang agihan zakat ke luar negeri atau negara. Kuasa ini tidak bertentangan dengan fatwa dan enakmen yang telah diperuntukkan kerana kawalan tersebut hanyalah ke atas pembayar zakat. Selain itu, tindakan mengagihkan zakat ke luar negeri dan negara adalah dibolehkan khususnya menurut pandangan di dalam mazhab Syafii seperti yang dinukilkan oleh al-Nawawi (2003) ketika menghuraikan pandangan al-Rafii:

(Dan ketahuilah) bahawa lafaz pengarang itu menunjukkan secara pasti keharusan memindahkan zakat kepada imam dan amil (pemungut zakat). Sesungguhnya khilaf yang masyhur mengenai pemindahan zakat itu hanyalah pada pemindahan oleh pemilik harta semata-mata dan inilah pendapat yang lebih sahih.

PENGALAMAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS) DALAM AGIHAN ZAKAT KE LUAR NEGARA

LZS merupakan satu model pengkorporatan pengurusan zakat yang berjaya keluar daripada belenggu pengurusan yang tradisional. Di peringkat awal pengurusan zakat oleh Baitulmal Selangor, terdapat kekurangan yang tidak menggambarkan potensi sebenar zakat di negeri Selangor. Bermula tahun 1994, LZS telah dikorporatkan dengan diberikan tanggungjawab dalam urusan kutipan zakat di Selangor dan diperluaskan peranannya kepada kutipan dan agihan bermula 1 Januari 1998 (Wahid& Ahmad, 2014). Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai oleh MAIS dalam usaha pengkorporatan ini. Antaranya adalah bagi memantapkan pengurusan dan pentadbiran khususnya berkaitan kutipan dan agihan zakat. Selain itu, ia juga bertujuan untuk membina imej baru institusi zakat yang akhirnya dapat mengembalikan kepercayaan dan keyakinan umat Islam (Ahmad Shahir&Adibah, 2010).

Selain daripada agihan dalam negeri, LZS juga mempunyai pengalaman mengagihkan zakat kepada umat Islam di luar negara. Antara negara yang telah dibantu ialah Kemboja, Indonesia dan Palestin. Bantuan zakat ke Kemboja dimanfaatkan kepada umat Islam di sana yang telah menjadi mangsa kekejaman rejim Pol Pot. LZS juga membantu membawa pulang mahasiswa Kemboja yang terperangkap di Mesir ketika era revolusi. Bantuan zakat ke Indonesia pula adalah bagi meringankan beban rakyat Aceh yang di landa bencana tsunami pada Disember 2004 (Abdul Hamid, 2025). Manakala agihan zakat kepada rakyat Palestin telah disalurkan beberapa kali antaranya pada tahun 2009 dengan nilai RM 1 juta melalui Yayasan Amal Selangor oleh LZS (LZS, 2025).

Matlamat LZS adalah untuk meningkatkan taraf sosial, ekonomi dan pendidikan umat Islam di negara-negara tersebut selepas dilanda peperangan, penindasan dan bencana (Abdul Hamid, 2025). Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh LZS menunjukkan keperihatinan institusi ini terhadap umat Islam yang tidak bernasib baik. Tanggungjawab membela nasib umat Islam dalam kesusahan tidak mengenal



sempadan negeri dan negara. Namun, usaha ini lebih berkesan jika dilaksanakan secara berterusan mengikut kemampuan sehinggalah mereka mampu berdikari.

CADANGAN PENDEKATAN AGIHAN ZAKAT KE PALESTIN OLEH LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS)

LZS telah mempunyai pengalaman dalam menyalurkan bantuan zakat ke beberapa buah negara iaitu Kemboja, Indonesia dan Palestin. Usaha ini menunjukkan LZS telah melangkah jauh dalam membantu umat Islam selain daripada rakyat Selangor. Dengan pengalaman yang ada dan contoh daripada organisasi lain dalam membantu rakyat Palestin, LZS boleh memainkan peranan yang lebih aktif bagi meringankan kesengsaraan rakyat Palestin. Bantuan boleh dilaksanakan secara konsisten atau berkala dengan jumlah yang signifikan berdasarkan pertimbangan terhadap prinsip keutamaan dan menggunakan mekanisma penilaian maqasid syariah.

Dalam menguruskan agihan zakat, keutamaannya adalah kepada penerima zakat setempat yang layak seperti yang disepakati oleh kebanyakan para fuqaha. Oleh itu, keperluan asas mereka mestilah dipenuhi terlebih dahulu sebelum zakat dipindahkan ke luar kawasan. Jika agihan ke luar kawasan dilakukan dalam keadaan masyarakat tempatan lebih memerlukan, ia adalah satu tindakan zalim dan boleh menyakiti perasaan mereka. Selain itu, agihan zakat ke luar kawasan mesti bersifat sementara atau sehingga hilangnya keperluan mendesak di tempat yang ingin dipindahkan supaya dana zakat dapat kembali dimanfaatkan oleh umat Islam tempatan.

Namun begitu, tahap keperluan asnaf zakat adalah subjektif dan sukar untuk ditetapkan pada satu nilai. Memenuhi kesemua keperluan mereka juga adalah mustahil dan menyebabkan bantuan zakat tidak akan dapat disalurkan kepada umat Islam di tempat-tempat lain sampai bila-bila. Justeru itu, tahap dan aspek keperluan penerima zakat tempatan dan luar negara boleh dinilai berdasarkan prinsip maqasid syariah. Ia boleh ditentukan berdasarkan kepada tiga tingkatan keperluan iaitu *dharuriyyat*, *hajjiyyat* dan *tahsiniyyat*. Selain itu, maqasid syariah memberikan penekanan kepada pemeliharaan lima komponen utama dalam kehidupan manusia iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Ibnu 'Asyur, 2004). Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, produk-produk zakat di beberapa buah negeri telah pun menepati sebahagian daripada prinsip-prinsip maqasid syariah, termasuklah di LZS (Mohammad Som et al., 2016; Zulkifli, 2024).

Bagi penyaluran bantuan zakat kepada mangsa perang di Palestin, agihan boleh diberikan di bawah kategori asnaf *fi sabilillah* dan *al-riqab*. Perjuangan rakyat Palestin yang mempertahankan tanah air mereka daripada penjajahan Yahudi adalah jihad yang menepati maksud *fi sabilillah*. Umat Islam yang dijajah boleh disamakan dengan hamba yang terikat hutang kepada tuannya (*al-riqab*), bahkan keadaan mereka lebih teruk dan lebih layak menerima zakat (Al-Qaradhawi, 1973). Selain daripada pemberian tunai atau barangan keperluan kepada mangsa perang, perkhidmatan



kesihatan dan bantuan latihan juga boleh diberikan seperti pengalaman LZS sendiri dalam menyalurkan ke beberapa buah negara sebelum ini.

LZS juga boleh membina hubungan dengan UNRWA dan mewujudkan kerjasama khusus sebagai perantara dalam penyaluran bantuan zakat. Organisasi di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ini sememangnya ditubuhkan khusus untuk membantu rakyat Palestin yang berlindung di kem-kem pelarian di Tebing Barat dan Gaza, Palestin atau di negara-negara lain seperti Syria, Jordan dan Lubnan. Kutipan zakat oleh UNRWA yang dilaporkan pada 2022 sebanyak 1.4 juta USD dan telah memanfaatkan 1.2 juta pelarian Palestin (UNRWA, 2025). Pendekatan ini telah diambil oleh BAZNAS dengan mewujudkan perjanjian kerjasama dengan UNRWA sejak tahun 2018. Pada tahun tersebut, BAZNAS telah menyalurkan bantuan kepada UNRWA sebanyak USD 150,000 disamping sokongan-sokongan lain (Ridha et al., 2022). Hubungan kerjasama dengan UNRWA akan lebih memudahkan pihak LZS dan dapat mengelakkan risiko penyelewangan bantuan zakat.

KESIMPULAN

Zakat merupakan instrumen kewangan sosial Islam yang ampuh dalam membela nasib umat Islam. Kewajipannya telah menghubungkan antara tanggungjawab mereka yang berada dan hak golongan yang memerlukan. Ia perlu diurus oleh pemerintah dengan penuh tanggungjawab dan mengikut lunas-lunas syarak. Agihannya perlu didahulukan kepada mereka yang layak di kawasan ia dikutip supaya tidak berlaku kezaliman dan pengabaian. Apabila keperluan setempat telah dipenuhi, zakat boleh diagihkan kepada mereka yang memerlukan di luar kawasan.

Dengan situasi yang dihadapi oleh penduduk Palestin, mereka selayaknya dibantu oleh seluruh umat Islam selepas kehidupan mereka hancur akibat peperangan dan penindasan. Institusi zakat di Malaysia seharusnya turut bersama-sama dalam memikul tanggungjawab ini. Pendekatan yang holistik dan meraikan setiap aspek hukum, fatwa dan perundangan perlu diambil bagi memastikan pelaksanaannya lebih teratur dan diterima oleh semua pihak. Usaha ini juga diharapkan dapat menggalakkan lagi umat Islam untuk menunaikan zakat hasil daripada kesedaran mereka terhadap nasib rakyat Palestin.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi UIS 2024 No. Geran: 2024/P/GPIU/GPI-006, Universiti Islam Selangor (UIS) yang bertajuk 'Analisis Pelaksanaan Agihan Zakat Kepada Mangsa Perang Di Palestin Menurut Maqasid Syariah'.

RUJUKAN

Ab Rahman, A. (2014). Al-Fatawa al-Mu'asirah Fi Hukm Naql al-Zakah Min Balad Ila Balad Akhar. *Journal of Fatwa Management and Research*, 3(1), 127–153.

Ab Rahman, A., Abd Wakil, M. N., Syed Omar, S. M. N., Hashim, H., Mahad Musa, Z.,



- Mohd Subri, I., & Mohd Faisal Yeap, M. J. (2018). Kutipan Zakat di Negeri Lain oleh Ejen dan Amil Tidak Bertauliah Menurut Syarak. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(December), 16–30. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.124>
- Ahmad Shahir, M., & Adibah, A. W. (2010). Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu Dan Cabaran. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan&Pengurusan Harta Dalam Islam*, 1–33.
- Al-Albani, M. N. (1399H). *Irwa al-Ghalil fi Takhrij Ahadith Manar al-Sabil*. Beirut: Maktab Islami.
- Al-Ba'li, A. b. (1436H). *Al-Akhbar al-Ilmiyyah min al-Iktiyarat al-Fiqhiyyah li Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyyah*. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'udiyah: Dar Ibnu Jauzi.
- Al-Dusuqi, M. U. (2006). *Hasyiah al-Dusuqi 'ala al-Syarh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu 'Abidin, M. A. (1966). *Rad al-Muhtar 'ala al-Dar al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu 'Asyur, M. a.-T. (2004). *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*. Qatar: Wizarah al-Awqaf Wa al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Ibnu Qudamah, A. B. (2020). *Al-Mughni*. Al-Yaman: Dar Kunuz al-Islam.
- Islamic Relief. (8 Oktober, 2025). Islamic Relief. Retrieved from <https://islamic-relief.org/>
- JAWHAR. (26 MAC, 2026). *Portal Rasmi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji*. Retrieved from <https://baitulmal.jawhar.gov.my/statistik-kutipan-zakat-seluruh-malaysia/>
- Al-Khin, M., Al-Bugha, M., Al-Syarbaji, A. (1992). *Al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Mazhab al-Imam al-Syafii (4th ed.)*. Dar al-Qalam.
- Majma', F. I. D. (8 Oktober, 2025). *Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali*. Retrieved from <https://iifa-aifi.org/ar/2261.html>
- Mohamad Nasir, N. (8 Oktober, 2025). *Jabatan Mufti Selangor*. Retrieved from <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/26/18-taudih-al-hukmi-hukum-mengagihkan-zakat-secara-persendirian/>
- Mohammad Som, H., Ab Rahman, A., Syed Omar, S. M. N., & Mokhtar, S. Z. (2016). Skim Agihan Zakat Kepada Asnaf Fi Sabilillah Mengikut Maqasid Syariah: Kajian di Selangor dan Pulau Pinang. *3rd International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2016)*, November, 162–171.



- Muslim Aid. (8 Oktober, 2025). *Muslim Air Serving Humanity*. Retrieved from <https://www.muslimaid.org/appeals/zakat-for-gaza/>
- Nasional, B. A. (27 2, 2026). *Badan Amil Zakat Nasional*. Retrieved from <https://baznas.go.id/>
- Al-Nawawi, Y. S. (2003). *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qalyubi wa Umairah. (1995). *Hasyiyata al-Qalyubi wa Umairah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. (1973). *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah Li Ahkamiha Wa Filsafatiha Fi Dhawi AL-Quran Wa As-Sunnah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Ramli, S. (2021). *Nihayah al-Muhtaj fi Syarh Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Nafais.
- Ridha, M. A., Ibdalsyah, & Ayuniyyah, Q. (2022). Analisis Nilai Kontribusi Bantuan Kemanusiaan Palestina Badan Amil Zakat Nasional (BAZNAS) Tahun 2018-2021. *Al-Muzara'Ah*, 10(2), 169–184. <https://doi.org/10.29244/jam.10.2.169-184>
- Selangor, L. Z. (25 September, 2025). *Lembaga Zakat Selangor*. Retrieved from <https://www.zakatselangor.com.my/informasi/laporan-aktiviti-zakat2/>
- Selangor, L. Z. (7 Oktober, 2025). *Lembaga Zakat Selangor*. Retrieved from <https://www.zakatselangor.com.my/terkini/rm1-juta-untuk-bantu-rakyat-gaza/>
- Selangor, L. Z. (9 Oktober, 2025). *Lembaga Zakat Selangor*. Retrieved from <https://www.zakatselangor.com.my/fatwa-zakat-negeri-selangor/>
- UNRWA. (27 2, 2026). United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East. Retrieved from <https://www.unrwa.org/>
- Wahid, H., & Ahmad, S. (2014). Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2), 41–50.
- Al-Zuhayli, W. (1991). *Tafsir al-Munir*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Zulkifli, N. N. (2024). *Maqasid al-Shari'ah dalam Pengagihan Zakat kepada Fakir dan Miskin: Kajian di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)*. Kuala Ketil: UniSHAMS.



The current issue and full text archive of this journal is available at
<https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal>

Temu bual

Temu bual Bersama En. Hamizul Abdul Hamid, Ketua Divisyen Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor pada hari Selasa 30 September 2025 jam 3.30 petang dalam talian.

Enakmen

Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995